

Headline **Firma Jerman guna kayu Malaysia hasilkan tingkap**  
Date **16 Nov 2009**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **26**  
Article Size **183 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,882**  
PRValue **11,645**



# Firma Jerman guna kayu Malaysia hasilkan tingkap

**L**AMTEC Malaysia, tanda perniagaan berdaftar milik Malaysia bagi kayu berlapis premium, meraih reputasi di Jerman apabila produknya digunakan oleh pembuat tingkap Pado Elementebau GmbH.

Pado yang berpangkalan di Braunschweig itu menggunakan 50 hingga 60 peratus kayu Malaysia bagi produknya selain kayu tempatan seperti 'spruce'.

Kerangka tingkap Lamtec yang berpanel dan beralur geometri amat teguh dan direka dengan tujuan membolehkan tingkap bukan saja dibuka malah juga dicondongkan dari sebelah atas.

Selain Jerman, kerangka ini juga telah menembusi pasaran Austria dan juga Amerika Syarikat.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, yang melawat kilang itu kagum dengan penggunaan produk Malaysia oleh sebuah syarikat pembuat tingkap yang boleh dipercayai, dan berkata orang akan membayar harga premium bagi kualiti.



**Bernard Dompok**

Penambahbaikan teknologi juga menjadikan produk itu tahan lama, katanya.

Dompok mengetuai perwakilan terdiri daripada 20 anggota bagi lawatan kerja ke Jerman, Belanda dan Belgium.

Jenama Lamtec adalah gagasan satu kerjasama antara empat pertubuhan kayu terkenal, iaitu Persatuan Industri Kayu Malaysia (MWIA), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia Malaysian (MTIB) dan Majlis Kayu Malaysia.

Kerjasama yang ditubuh-

kan pada 2004 itu bertujuan menaikkan tahap kualiti produk dengan memperbaiki proses pengeluaran dan kawalan mutu, dan ke arah ini, hanya kilang tertentu dipilih khas untuk bekerjasama rapat dengan kerjasama itu dalam memenuhi permintaan pasaran Eropah dan Jerman yang berkehendakkan kualiti.

Dengan warna kayu sekatu tanpa kecacatan, jenama Lamtec menawarkan ketumpatan kayu yang unggul berserta dengan jaminan 10 tahun.

Kayu itu juga diperolehi daripada sumber sah dan mampan.

Mengikut Goh Chee Yew, Penolong Setiausaha Agung Kehormat MWIA, projek Lamtec dibiayai melalui dana levi daripada eksport kayu.

Beliau berkata permintaan bagi Lamtec sangat besar tetapi bekalannya tidak mencukupi.

Pada masa ini empat kilang terbabit dalam pengeluaran produk itu manakala lapan syarikat lagi telah memohon untuk mengambil bahagian. - Bernama